

RM1.5 bilion untuk baiki, bina benteng hadapi ancaman air pasang besar

JOHOR BAHRU 20 Okt. - Kira-kira RM1.5 bilion diperlukan untuk membaiki dan membina benteng di pesisiran pantai barat negeri ini bertujuan mengurangkan kesan kemusnahan setiap kali air pasang besar berlaku.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Ayub Rahmat berkata, langkah tersebut akan dapat menghalang kawasan-kawasan yang terlibat daripada lenyap dan menerima hakisan teruk selepas dipukul ombak besar.

"Bersandarkan kajian Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) untuk memastikan tidak berlaku pelenyapan tanah akibat air pasang besar, RM1.5 bilion diperlukan untuk

pelihara pantai terbabit.

"Ketika ini kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat sudahpun memberikan peruntukan secara berfasa contohnya RM5 juta untuk Pantai Sungai Lurus di Senggarang dan RM1 juta di Pantai Punggor, Rengit di Batu Pahat pada tahun depan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Seminar Memperkasakan Komuniti Setempat Dalam Kawasan Persekutaran Pengurusan Alam Semulajadi di Hotel Thistle di sini hari ini.

Ayub berkata, di Muar dan Pontian iaitu di Tanjung Piai pula sudah dibina benteng-benteng tersebut melalui peruntukan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) de-

ngan kos sebanyak RM45 juta.

Mengenai perkembangan air pasang besar yang melanda negeri ini dari 16 Oktober hingga hari ini, beliau memberitahu, setakat ini tidak berlaku sebarang pemindahan penduduk di kawasan yang terlibat.

Jelas beliau, antara daerah yang mengalami air pasang besar adalah Muar, Batu Pahat serta Pontian dan pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang memantau serta melakukan kerja-kerja pembaikan.

"Keadaan air pasang besar di negeri ini masih terkawal. Hanya kerosakan kecil melibatkan harta benda dan harta awam berlaku dan ketika ini kita sedang dalam proses pengiraan jumlah kerugian," katanya.